

OPERASI BERSEPADU KENDERAAN BERENJIN PETROL DENGAN KERJASAMA IPD TRAFIK MELAKA

10 Mac 2023, MELAKA - Pasukan Unit Kenderaan Bermotor Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan operasi ke atas kenderaan berenjin petrol di Lebuhraya SPA BERTAM, Melaka dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) IPD TRAFIK MELAKA TENGAH pada hari ini.

Operasi yang dijalankan adalah di bawah Peraturan- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 Dan PPKAS (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003.

Maklumat operasi adalah seperti berikut :-

Notis Arahan - 2 Arahan

Kompaun - 2 Kesalahan

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka komited untuk menangani aduan awam dan menyeru orang awam dapat memberikan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 supaya kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

#KementerianSumberAsliAlamSekitardanPerubahanIklim

#JabatanAlamSekitar

#AlamSekitarTanggungjawabBersama

#jasnegerimelaka